**P.U. (A) 447.**

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN)
(NO. 2) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) (No. 2) 2009**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

*(a)* dengan memasukkan sebelum takrif "hentian pengangkutan awam" takrif yang berikut:

' "harga jualan runcit" ertinya harga jualan runcit bagi sesuatu hasil tembakau sebagaimana yang diisytiharkan oleh pengilang atau pengimport kepada Pengarah mengikut peraturan 8A;'; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas takrif "profesional jagaan kesihatan" takrif yang berikut:

' "promosi harga" ertinya apa-apa pendekatan yang digunakan bagi menggalakkan, secara langsung atau tidak langsung, penjualan sesuatu hasil tembakau yang mengakibatkan harga jualan suatu unit hasil tembakau lebih rendah daripada harga jualan runcit bagi unit hasil tembakau itu;'.

**Peraturan baru 8A, 8B, 8C, 8D dan 8E**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 8 peraturan yang berikut:

"**Pengisytiharan harga jualan runcit bagi hasil tembakau**

8A. (1) Tiap-tiap pengilang atau pengimport hasil tembakau hendaklah mengisytiharkan secara bertulis kepada Pengarah mengenai—

*(a)* harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau, dalam masa empat belas hari selepas tarikh mula berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini; dan

*(b)* harga jualan runcit sesuatu hasil tembakau baru yang diperkenalkan selepas tarikh mula berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini dalam masa empat belas hari sebelum pengenalan itu,

dan harga jualan runcit itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pengisytiharan itu.

(2) Pengilang atau pengimport itu hendaklah mengisytiharkan secara bertulis kepada Pengarah pada tiap-tiap kali berlakunya perubahan kepada harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau yang disebut dalam subperaturan (1) disebabkan oleh hal keadaan yang berikut:

*(a)* apa-apa kenaikan harga jualan runcit hasil tembakau akibat daripada pertambahan duti eksais atau cukai yang dikenakan ke atas hasil tembakau, dalam masa empat belas hari selepas kenaikan itu; atau

(*b*) apa-apa pelarasan harga jualan runcit suatu hasil tembakau dalam masa empat belas hari sebelum pelarasan itu.

(3) Pelarasan harga jualan runcit suatu hasil tembakau yang disebut dalam perenggan (2)(*b*) adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(*a*) apa-apa pelarasan tidak boleh dijalankan lebih daripada tiga kali dalam suatu tahun kalendar;

(*b*) apa-apa pelarasan tidak boleh dijalankan lebih daripada tiga puluh hari dalam satu pelarasan; dan

(*c*) perbezaan antara harga jualan runcit yang dilaraskan di bawah perenggan (2)(*b*) dengan harga jualan runcit sebagaimana yang diisytiharkan kepada Pengarah dalam subperaturan (1) atau perenggan (2)(*a*), hendaklah tidak melebihi lima peratus.

(4) Mana-mana pengilang atau pengimport yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Larangan menjual hasil tembakau di bawah harga jualan runcit atau dengan memberi promosi harga**

8B. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa hasil tembakau lebih rendah daripada harga jualan runcit yang disebut dalam subperaturan 8A(1) atau (2).

(2) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa hasil tembakau dengan memberi promosi harga.

(3) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa hasil tembakau yang mempunyai apa-apa penyataan atau label seperti "diskaun", "harga istimewa", "tawaran istimewa", "jualan", "promosi", "promo", "edisi terhad", "tawaran" atau apa-apa istilah, perkataan atau perihalan atau apa-apa perkataan lain yang sama erti dengannya yang secara langsung atau tidak langsung mewujudkan tanggapan yang salah atau palsu yang menunjukkan bahawa terdapat suatu diskaun atau jualan murah bagi hasil tembakau itu—

(*a*) pada mana-mana bahagian paket atau label hasil tembakau itu; atau

(*b*) pada mana-mana rak pameran atau kaunter atau mana-mana tempat di mana hasil tembakau dipamerkan untuk jualan atau ditawarkan untuk jualan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Harga minimum rokok**

8C. (1) Harga yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Kesembilan hendaklah menjadi harga minimum rokok bagi setiap paket rokok yang disebut dalam ruang (1) Jadual.

(2) Mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa rokok hendaklah pada setiap masa mempamerkan secara jelas suatu notis sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kesepuluh berkenaan dengan harga minimum rokok yang disebut dalam subperaturan (1) pada kaunter atau tempat di mana rokok itu dipamerkan untuk jualan atau ditawarkan untuk jualan.

(3) Notis yang disebutkan dalam subperaturan (2) hendaklah tidak mengandungi apa-apa logo, jenama, tanda niaga atau apa-apa perihalan yang berkaitan dengan rokok.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Larangan menjual paket rokok di bawah harga minimum rokok**

8D. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa paket rokok di bawah harga minimum rokok bagi paket rokok itu sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kesembilan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Larangan menjual rokok tanpa label harga**

8E. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan mana-mana paket rokok tanpa suatu label harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kesebelas.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.".

**Pindaan peraturan 16**

4. Subperaturan 16(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "tidak kurang daripada dua puluh" dengan perkataan "dua puluh hingga dua puluh lima".

**Pindaan peraturan 23**

5. Subperaturan 23(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "subperaturan" perkataan "8B(1), 8B(2), 8B(3), 8C(2), 8C(3), 8D(1), 8E(1),".

**Jadual baru Kesembilan, Kesepuluh dan Kesebelas**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kelapan Jadual yang berikut:

"JADUAL KESEMBILAN

[Subperaturan 8C(1)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

**HARGA MINIMUM ROKOK**

| (1)<br>*Paket rokok* | (2)<br>*Harga minimum rokok* |
|---|---|
| 20 batang | RM6.40 |
| 21 batang | RM6.70 |
| 22 batang | RM7.05 |
| 23 batang | RM7.35 |
| 24 batang | RM7.70 |
| 25 batang | RM8.00 |

PNMB

JADUAL KESEPULUH

[Subperaturan 8C(2)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK

<table>
<tr><th>BAHAN</th><th>BENTUK/SAIZ</th><th>PERIHAL</th><th>REKA BENTUK</th></tr>
<tr>
<td>Kertas putih atau apa-apa bahan yang sesuai</td>
<td>(a) Notis hendaklah dalam bentuk segi empat tepat<br><br>(b) Saiz minimum notis hendaklah 297 mm lebar x 210 mm panjang</td>
<td>Notis hendaklah mempunyai latar belakang putih dengan maklumat yang berikut hendaklah ditulis pada notis itu:<br><br>(a) "NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK"-<br><br>set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 36 poin.<br><br>(b) "HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH" -<br><br>set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 24 poin.</td>
<td>NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK<br><br>HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH
<table>
<tr><th>PAKET ROKOK</th><th>HARGA MINIMUM ROKOK</th></tr>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 6.40</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 6.70</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.05</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 7:35</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.00</td></tr>
</table>
ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI<br><br>NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)<br><br>ATAU<br><br>HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>BAHAN</th><th>BENTUK/SAIZ</th><th>PERIHAL</th><th>REKA BENTUK</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
(c) Suatu jadual harga minimum rokok.<br><br>
"<br>
<table>
<tr><th>PAKET ROKOK</th><th>HARGA MINIMUM ROKOK</th></tr>
</table>
–<br>
set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial dan bersaiz 32 poin; dan<br>
<table>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 6.40</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 6.70</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.05</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 7.35</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.00</td></tr>
</table>
"<br>
–<br>
set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial dan bersaiz 32 poin.<br><br>
(d) "ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI" –<br>
set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 28 poin.
</td><td></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *(e)* "NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) ATAU HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN" –<br><br>set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 16 poin. | |

JADUAL KESEBELAS

[Subperaturan 8E(1)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

**LABEL HARGA ROKOK**

| BAHAN | BENTUK/SAIZ | PERIHAL | REKA BENTUK |
|---|---|---|---|
| Label putih atau pelekat putih | *(a)* Label harga atau pelekat hendaklah dalam bentuk segi empat tepat<br><br>*(b)* Saiz maksima label harga atau pelekat hendaklah 15 mm lebar x 30 mm panjang | Label harga atau pelekat hendaklah mempunyai latar belakang putih dengan maklumat yang berikut hendaklah ditulis pada notis itu:<br><br>*(a)* "**HJR : RM** ________" – set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 10 poin.<br><br>*(b)* "**HMR : RM** ________" – set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 10 poin.<br><br>* Nota: HJR ertinya harga jualan runcit bagi paket rokok itu<br><br>** Nota: HMR ertinya harga minimum rokok bagi paket rokok itu yang ditetapkan dalam Jadual Kesembilan | HJR : RM _____<br><br>HMR : RM _____ |

".

Dibuat 10 Disember 2009
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU²)418/XIV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
*Menteri Kesihatan*

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2009

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Tobacco Product (Amendment) (No. 2) Regulations 2009**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2010.

**Amendment of regulation 2**

2. The Control of Tobacco Product Regulations 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in regulation 2—

*(a)* by inserting before the definition of "public transport terminal" the following definition:

' "retail selling price" means the retail selling price for a tobacco product as declared by the manufacturer or importer to the Director in accordance with regulation 8A;'; and

*(b)* by inserting after the definition of "healthcare professional" the following definition:

' "price promotion" means any approach used to promote, directly or indirectly, the sale of a tobacco product that results in the selling price for a unit of tobacco product lower than the retail selling price for that unit of tobacco product;'.

**New regulations 8A, 8B, 8C, 8D and 8E**

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 8 the following regulations:

**"Declaration of retail selling price of tobacco product**

8A. (1) Every manufacturer or importer of a tobacco product shall declare in writing to the Director—

*(a)* the retail selling price of any tobacco product, within fourteen days after the date of coming into operation of these Regulations; and

*(b)* the retail selling price of a new tobacco product introduced after the date of coming into operation of these Regulations within fourteen days prior to such introduction,

and such retail selling price shall take effect from the date of the declaration.

(2) The manufacturer or importer shall declare in writing to the Director every time there are changes to the retail selling price of any tobacco product referred to in subregulation (1) due to the following circumstances:

*(a)* any increase in the retail selling price of the tobacco product resulting from an increase of excise duty or tax imposed on the tobacco product within fourteen days after such increase; or

*(b)* any adjustment of the retail selling price of the tobacco product within fourteen days prior to that adjustment.

(3) The adjustment of the retail selling price of a tobacco product referred to in paragraph (2)*(b)* shall be subject to the following conditions:

*(a)* an adjustment cannot be done more than three times in a calendar year;

*(b)* an adjustment cannot be conducted more than thirty days in one adjustment; and

*(c)* the difference between the adjusted retail selling price under paragraph (2)*(b)* and the retail selling price as declared to the Director in subregulation (1) or paragraph (2)*(a)*, shall not be more than five percent.

(4) Any manufacturer or importer who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Prohibition on selling tobacco product below retail selling price or by giving a price promotion**

8B. (1) No person shall sell or offer for sale any tobacco product below the retail selling price as referred to in subregulation 8A(1) or (2).

(2) No person shall sell or offer for sale any tobacco product by giving a price promotion.

(3) No person shall sell or offer for sale any tobacco product having any statement or label such as "discount", "special price", "special offer", "sale", "promotion", "promo", "limited edition", "offer" or any term, word or description or any other words of similar meaning that directly or indirectly create an erroneous or false impression indicating that there is a discount or a cheap sale for the tobacco product—

*(a)* on any part of the packet or label of the tobacco product; or

*(b)* on any display rack or counter or any place where the tobacco product is displayed for sale or offered for sale.

(4) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Minimum cigarette price**

8C. (1) A price specified in column (2) of the Ninth Schedule shall be a minimum price for each packet of cigarettes mentioned in column (1) of the Schedule.

(2) Any person who sells or offers for sale any cigarette shall at all time display conspicuously a notice as specified in the Tenth Schedule in respect of the minimum cigarette price referred to in subregulation (1) at the counter or the place where the cigarettes are displayed for sale or offered for sale.

(3) The notice referred to in subregulation (2) shall not contain any logo, brand, trade mark or any description associated with cigarette.

(4) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Prohibition on selling packet of cigarettes below minimum cigarette price**

8D. (1) No person shall sell or offer for sale any packet of cigarettes below the minimum cigarette price for that packet of cigarettes as specified in the Ninth Schedule.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Prohibition on selling cigarettes without price label**

8E. (1) No person shall sell or offer for sale a packet of cigarettes without a price label as specified in the Eleventh Schedule.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.".

**Amendment of regulation 16**

4. Subregulation 16(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words "not less than twenty" the words "twenty to twenty-five".

**Amendment of regulation 23**

5. Subregulation 23(1) of the principal Regulations is amended by inserting after the word "subregulations" the words "8B(1), 8B(2), 8B(3), 8C(2), 8C(3), 8D(1), 8E(1),".

**New Ninth, Tenth and Eleventh Schedules**

6. The principal Regulations are amended by inserting after the Eighth Schedule the following Schedules:

"NINTH SCHEDULE

[Subregulation 8C(1)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

MINIMUM CIGARETTE PRICE

| (1)<br>*Packet of cigarettes* | (2)<br>*Minimum cigarette price* |
|---|---|
| 20 sticks | RM 6.40 |
| 21 sticks | RM 6.70 |
| 22 sticks | RM 7.05 |
| 23 sticks | RM 7.35 |
| 24 sticks | RM 7.70 |
| 25 sticks | RM 8.00 |

PNMB

## TENTH SCHEDULE

[Subregulation 8C(2)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

**MINIMUM CIGARETTE PRICE NOTICE**

<table>
<tr><th>MATERIAL</th><th>SHAPE/SIZE</th><th>DESCRIPTION</th><th>DESIGN</th></tr>
<tr>
<td>White paper or any suitable material</td>
<td>(a) Notice shall be in rectangular shape<br><br>(b) The minimum size of the notice shall be 297 mm in width x 210 mm in length</td>
<td>The notice shall have a white background with the following information shall be written on it:<br><br>(a) "NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK"—<br><br>the set texts shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 36 point.<br><br>(b) "HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH"—<br><br>the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 24 point.</td>
<td>NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK<br><br>HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH<br><br>
<table>
<tr><th>PAKET ROKOK</th><th>HARGA MINIMUM ROKOK</th></tr>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 6.40</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 6.70</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.05</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 7.35</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.00</td></tr>
</table>
<br>ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI<br><br>NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)<br><br>ATAU<br><br>HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>MATERIAL</th><th>SHAPE/SIZE</th><th>DESCRIPTION</th><th>DESIGN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
(c) A minimum cigarette price schedule:<br>
“
<table>
<tr><td>PAKET ROKOK</td><td>HARGA MINIMUM ROKOK</td></tr>
</table>
—<br>
the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 32 point; and
<table>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 6.40</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 6.70</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.05</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 7.35</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.00</td></tr>
</table>
”<br>
—<br>
the set texts shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 32 point.<br><br>
(d) “ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI” –<br>
the set texts shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 28 point.<br><br>
(e) “NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) ATAU HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN” –<br>
the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 16 point.
</td><td></td></tr>
</table>

PNMB

ELEVENTH SCHEDULE

[Subregulation 8E(1)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

**CIGARETTES PRICE LABEL**

| MATERIAL | SHAPE/SIZE | DESCRIPTION | DESIGN |
|---|---|---|---|
| White label or white sticker | *(a)* Price label or sticker shall be in rectangular shape<br>*(b)* The maximum size of the price label or sticker shall be 15 mm in width x 30 mm in length | The price label or sticker shall have a white background with the following information shall be written on it:<br>*(a)* "**HJR : RM ______**" – the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 10 point.<br>*(b)* "**HMR : RM ______**" – the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 10 point.<br>* Note: HJR means the retail selling price for that packet of cigarettes<br>** Note: HMR means the minimum cigarette price of that packet of cigarettes as specified in the Ninth Schedule | HJR : RM ____<br>HMR : RM ____ |

".

Made 10 December 2009
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU²)418/XIV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
*Minister of Health*

Hakcipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA